

13/08/2003

SAID-Global tentukan hala tuju selepas persaraan PM

Mahfar Ali

EZULWINI, kawasan lembah kira-kira empat kilometer dari Mbabane ibu negara Swaziland, kini menjadi tumpuan ketua kerajaan, sektor awam, tokoh korporat, media dan profesional muda dari 16 negara, termasuk Malaysia, sempena Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID)-Global 2003 selama lima hari bermula hari ini.

Pertemuan ini menjadi sebahagian siri dialog perkongsian pintar yang diilhamkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Bermula dengan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) pada 1995, siri dialog itu kemudian diperluaskan meliputi SAID dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).

Ini kali pertama Swaziland menganjurkan dialog itu - pertemuan antarabangsa terbesar yang dikendalikannya. Bagi Dr Mahathir pula, inilah dialog perkongsian pintar terakhir yang dihadiri selaku Perdana Menteri sebelum bersara Oktober ini.

Justeru, SAID-Global 2003 bukan saja dilihat penting dalam usaha mengukuhkan lagi idea perkongsian pintar dan konsep memakmurkan negara jiran, tetapi juga bagi menentukan masa depannya selepas persaraan Dr Mahathir.

Persoalan ini sudah pasti tidak dapat dielakkan kerana Dr Mahathir bukan saja dianggap sebagai pelopor idea dan konsep itu, malah peranannya dalam menggerakkan dan menyemarakkan semangat kerjasama menerusi siri dialog itu cukup besar.

Difahamkan pada SAID-Global 2003 ini, upacara khas diadakan sebagai penghormatan dan menghargai kesungguhan serta pengorbanan besar Dr Mahathir dalam memperjuangkan hak serta kepentingan negara membangun terutama di rantau ini.

Namun, apa pun formula yang dihasilkan nanti bagi menentukan hala tuju LID, SAID dan EAID selepas era Dr Mahathir, kita percaya Perdana Menteri sudah berjaya meyakinkan semua negara dan pihak yang terbabit mengenai potensi dan keuntungan memakmurkan negara jiran menerusi konsep perkongsian pintar.

Dengan kata lain, Perdana Menteri meletakkan asas kukuh yang membolehkan semua program dan kerjasama yang dijalin menerusi dialog itu terus berjalan lancar pada masa akan datang.

Penyertaan Club 29 yang mewakili usahawan dan profesional muda, misalnya, tentu dapat menjamin kesinambungan dan membantu mengembangkan lagi idea perkongsian pintar kerana kumpulan itu berpotensi menjadi pemimpin perniagaan pada masa depan.

Selepas hampir sembilan tahun konsep perkongsian pintar diperkenalkan, idea itu kini semakin difahami semua negara dan pihak yang terbabit termasuk pegawai kerajaan, ahli perniagaan dan aktivis sosial.

Menteri Perancangan dan Pembangunan Ekonomi Swaziland, Putera Guduza, pada pertemuan dengan wartawan Malaysia juga mengakui konsep dan idea itu sudah dipromosikan secara baik hingga bukan saja diterima kerajaan, turut mendapat sokongan meluas semua lapisan masyarakat termasuk golongan muda.

"Dalam menganjurkan SAID-Global 2003, kami tidak saja mendapat sokongan pihak swasta dan pelbagai pertubuhan, tetapi rakyat memberikan pelbagai sumbangan dan seorang budak lelaki berusia 10 tahun juga memberikan seekor kambing sebagai tanda sokongan.

"Kami memang menaruh harapan besar dan yakin mendapat manfaat menerusi dialog ini. Sebab itu kami mengadakan dialog nasional kami sendiri sebulan lalu dan ia berjaya. Semua pihak termasuk kerajaan dan pertubuhan

berpeluang memberi pandangan masing-masing," katanya.

Guduza, adik Raja Swaziland, Raja Mswati III, juga yakin dialog ini dapat dimanfaatkan bagi menghasilkan situasi menang-menang di kalangan negara di rantau Afrika yang sesetengahnya kini masih berbalah sesama sendiri.

"Kita sedar perkongsian pintar bukan bermakna hidangan sudah tersedia untuk dimakan, tetapi ia memberi kita peluang untuk berkongsi idea dan meluaskan kerjasama serta bersatu dalam menangani pelbagai cabaran," katanya.

Dalam pada itu, pada pertemuan di Ezulwini ini, penganjur bersama, Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might) dan Perkongsian Komanwel Bagi Pengurusan Teknologi (CPTM) yang berpangkalan di London, akan melancarkan buku mengenai Dr Mahathir serta himpunan ucapan Perdana Menteri berkaitan isu globalisasi, peranan kerajaan dan perkongsian pintar bagi memastikan idea Dr Mahathir terus subur dan diperjuangkan.

Pada dialog ini juga, tabung khas CPTM dilancarkan dengan sasaran mengumpul STG11 juta bagi membolehkan pertubuhan itu mempunyai bangunan sendiri di London serta menguruskan sekretariatnya untuk kepentingan negara anggota.

Ahli CPTM membabitkan kerajaan, sektor awam dan swasta anggota Komanwel. Kini CPTM mempunyai pejabat di London, selain pusat antaranya di Malaysia, Botswana, Barbados, Lesotho, Namibia, St Lucia, Swaziland, Uganda dan Zimbabwe.

CPTM bertujuan meningkatkan kerjasama antara sektor awam dan swasta berteraskan konsep menang-menang dan memakmurkan negara jiran.

Setakat ini, beberapa negara menyatakan komitmen untuk memberi sumbangan dan kerajaan Malaysia sendiri akan memberi STG1 juta. Sejumlah syarikat swasta Malaysia juga berjanji untuk membantu.

Ini termasuk Tenaga Nasional Berhad (TNB), Kumpulan Genting, Gamuda, Public Bank, Berjaya, Arab-Malaysian Bank, RHB Capital, MMC, Southern Bank, Hong Leong Group, Sapura, IOI Bhd, Maybank, Bina Puri, Puncak Niaga, KL Kepong, Road Builders dan Sime Darby.

Sokongan sektor swasta Malaysia dalam menjayakan siri dialog ini cukup memberangsangkan, malah penyertaan kumpulan ini pada siri dialog itu sentiasa berterusan sama ada di Langkawi atau benua Afrika.

Pada SAID-Global 2003 ini, 27 wakil syarikat swasta turut menyertai delegasi Dr Mahathir termasuk Pengerusi TNB, Datuk Awang Adek Hussin dan Ketua Eksekutif Telekom Malaysia Berhad, Datuk Md Khir Abdul Rahman.

Dr Mahathir tiba pagi ini bersama isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan diberi penghormatan menyampaikan ucap tama selepas ucapan aluan Raja Mswati III pada pembukaan dialog lima hari itu.

Ini juga kunjungan pertama Perdana Menteri ke Swaziland yang cuma mempunyai kira-kira 1.1 juta penduduk dengan keluasan 17,363 kilometer persegi. Negara itu yang terletak di selatan Afrika bersempadan dengan Mozambique dan Afrika Selatan, mencapai kemerdekaan pada September 1968.

Selain Malaysia dan tuan rumah Swaziland, dialog itu yang bertema 'Memperkuhkan Identiti dan Kemajuan Pembangunan Menerusi Perkongsian Pintar', turut disertai Namibia, Afrika Selatan, Rwanda, Sudan, Zimbabwe, Burundi, Ghana, Uganda, Nigeria dan Mozambique.

Melihat programnya, dialog itu menyentuh pelbagai isu kepentingan bersama dan global dalam memperkasakan lagi konsep perkongsian pintar melangkaui bangsa, negara, kerajaan dan sektor perniagaan serta sosial.

Selain berkongsi pengalaman dan pembelajaran dalam mentadbir negara dari segi menggerakkan ekonomi dan sosiopolitik, siri dialog itu bertujuan meneroka utiliti sumber yang boleh memberi manfaat serta mengukuhkan perkongsian pintar di kalangan komuniti antarabangsa dan pada masa sama, menyediakan pentas pertemuan bagi kumpulan pakar berkongsi idea mengenai

pelbagai isu, peluang dan cabaran.

Antara fokus utama dialog kali ini ialah sesi khas dua hala yang akan dikendalikan Rangkaian Pakar Perkongsian Pintar merangkumi Rangkaian Isu Sosial, Ahli Politik/Pegawai Kerajaan, Ahli Perniagaan dan Buruh, Rangkaian Media dan Kebudayaan serta Rangkaian Isu Club 29.

Penasihat Might, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman, pada pertemuan dengan pemberita sebelum berlepas ke Ezulwini juga memberitahu beberapa isu yang dibangkitkan pada siri dialog sebelum ini, termasuk LID-Global 2002 turut dibincangkan.

Beliau memberi contoh, isu keselamatan dan keganasan antarabangsa terus mendapat perhatian kerana aspek itu mempunyai kaitan dengan kestabilan politik serta pembangunan ekonomi terutama di negara membangun.

Isu tempatan negara tuan rumah akan dibincangkan seperti usaha Swaziland mengadunikan nilai tradisi dan moden dalam merangka perlembagaan negara itu.

Dialog itu, seperti beberapa siri dialog sebelum ini juga terus menyuarakan serta mempertahankan kepentingan dan hak negara membangun daripada terus diabaikan negara maju, terutama dalam menghadapi kesan globalisasi.

Negara di benua Afrika yang kebanyakannya masih dihimpit kemiskinan serta berdepan dengan pelbagai masalah seperti penyakit HIV/Aids, sememangnya memerlukan sokongan untuk membina satu dunia baru yang lebih terjamin.

Bagi Malaysia, siri dialog itu turut dimanfaatkan untuk meneroka pasaran baru dan menjadi platform paling berkesan untuk mempromosikan Malaysia sebagai negara mesra perniagaan, rakan perniagaan yang baik dan bersedia berkongsi pengalaman dalam pembangunan serta urus tadbir.

Apa yang lebih penting, siri dialog ini dapat menyatukan negara membangun agar tidak lagi bersendirian dalam menangani atau menghadapi cabaran globalisasi serta era teknologi maklumat dan digital.